

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004**

**September/Oktober 2003**

**RPK 334 – Perancangan Lalulintas**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan teknik pengurusan lalu lintas? Bagaimanakah teknik pengurusan lalu lintas dapat membantu menyelesaikan masalah lalu lintas yang dihadapi oleh bandar Georgetown?

(25 markah)

2. Definisikan isi padu lalu lintas. Huraikan cara anda mendapatkan data isi padu lalu lintas di persimpangan tiga yang terletak di kawasan bandar. Beri contoh bagaimana anda menukarkan data isi padu lalu lintas yang anda perolehi daripada unit kenderaan kepada unit kereta penumpang berpandukan kepada jadual di bawah:

**Jadual: Unit Kereta Penumpang (PCU)**

	Nilai dalam unit, kereta penumpang di sepanjang jalan atau di simpang
Kumpulan Kenderaan	Bandar
Kereta persendirian, teksi dan motobeca	1.00
Kenderaan barangan ringan dan van kecil	2.00
Kenderaan barangan sederhana berat dan lori sedang	2.5
Kenderaan barangan berat dan lori besar	3.00
Bas sekolah dan bas panjang	3.00
Motosikal dan skuter	0.75

*Sumber:* Jabatan Kerja Raya, Arahan Teknik (Jalan) 8/86

(25 markah)

...2/-

- 2 -

3. Terdapat pelbagai pihak yang mempunyai kepentingan atau kehendak terhadap ruang tempak meletak kenderaan (kereta) yang terdapat di pusat bandar. Siapakah mereka itu? Anda telah dilantik sebagai perunding untuk menjalankan kajian terhadap tahap penggunaan ruang tempat letak kenderaan (kereta) di sebuah kompleks membeli-belah. Bincangkan bagaimanakah anda dapat menjalankan tugas tersebut dengan jayanya?

(25 markah)

4. Apakah tujuan dijalankan bancian pengangkutan awam? Bincangkan bagaimanakah kaedah-kaedah bancian pengangkutan awam dapat dijalankan?

(25 markah)

5. Bincangkan dan huraikan dengan **contoh-contoh** semua istilah-istilah di bawah ini?

- i. Organisasi dan Pentadbiran Pengangkutan di Malaysia
- ii. Sistem pejalan kaki
- iii. Projek lebuh raya di Malaysia
- iv. Sistem pengangkutan awam moden
- v. Kemalangan jalan raya di Malaysia

(25 markah)

-ooo00ooo-